



NEWSLETTER

DOSM/BPPD/11.2022/Series 45

IMPAK PEMBUKAAN SEMPADAN NEGARA KEPADA MOBILITI PENDUDUK

Pengenalan



Definisi

Mobiliti penduduk merujuk kepada pergerakan penduduk di mana telah berlaku perubahan geografi di tempat kediaman biasa.



Faedah

Mobiliti penduduk memberi faedah kepada peningkatan inovasi dan produktiviti. Mobiliti penduduk turut meningkatkan perkembangan perniagaan antarabangsa, perdagangan dan pelaburan yang rancak.



Kesan

Mobiliti penduduk juga menyebabkan jangkitan coronavirus (COVID-19) berkembang menjadi satu pandemik. Justeru, bagi mengelakkan penularan jangkitan, negara di seluruh dunia mengenakan sekatan perjalanan dan mobiliti penduduk.

Malaysia mengambil pendekatan serius bagi mengawal penularan COVID-19 daripada terus merebak dengan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuatkuasa pada 18 Mac 2020. Penutupan pintu sempadan secara menyeluruh dilaksanakan bagi semua perjalanan individu ke luar negara dan kemasukan ke negara. Manakala sekatan pergerakan domestik pula dilaksanakan secara beberapa fasa selari dengan situasi semasa COVID-19 di Malaysia.




- 1 31 Disember 2019**
Kes pertama dikesan di Wuhan, China
- 2 25 Januari 2020**
Kes pertama dikesan di Malaysia membabitkan tiga warga China yang memasuki negara melalui Johor dari Singapore pada 23 Januari 2020
- 3 18 Mac 2020**
Penutupan sempadan serta memperkenalkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)



Migrasi daripada Penduduk

Secara keseluruhan, berdasarkan situasi semasa pada tahun 2020 telah mewujudkan eksternaliti positif bagi mengurangkan risiko penduduk tempatan untuk berhijrah dengan meningkatkan prasarana kemudahan komunikasi dengan meningkatkan kemudahan internet terutama di kawasan luar bandar. Pelaksanaan PKP telah menyebabkan ramai pekerja diarah untuk Bekerja dari Rumah (BDR). Berdasarkan Laporan Migrasi Dalamn 2020 menunjukkan hanya 0.1 peratus daripada penduduk bekerja yang tidak berada di tempat kerja biasa menyatakan bahawa mereka telah berhijrah ke negeri lain. Walau bagaimanapun, penghijrahan ini adalah disebabkan oleh faktor BDR dan bukan migrasi.


Siri masa statistik utama migrasi, Malaysia 1991-2020



Sumber: Penerbitan Laporan Survei Migrasi 2020

Sebab-sebab Migrasi


Pada 2020, migrasi dalaman disebabkan mengikut keluarga masih kekal sebagai sebab utama migrasi iaitu 45.3 peratus berbanding 44.2 peratus pada 2018. Ini diikuti dengan sebab kerjaya (23.6%) dan persekitaran (22.3%).



Sumber: Penerbitan Laporan Survei Migrasi 2020

Kesan kepada Penduduk Bukan Warganegara

Penduduk Bukan Warganegara, Malaysia, 2018 - 2020




Sumber: Penerbitan Anggaran Penduduk Semasa, Malaysia, 2021

Pelaksanaan PKP dengan penutupan pintu sempadan negara telah memberi kesan kepada pengurangan bilangan penduduk Bukan Warganegara. Menurut Penerbitan Anggaran Penduduk Semasa Malaysia 2021, penduduk Bukan Warganegara pada tahun 2019 adalah 3.14 juta telah berkurang kepada 2.91 juta (2020) dan 2.69 juta (2021). Ini berikutan dengan prosedur dan kriteria yang ketat perlu dipatuhi bagi kemasukan warga asing ke Malaysia.

Kemasukan pekerja warga asing bermula bulan April 2022 selaras pembukaan sempadan negara tetapi tertakluk kepada prosedur operasi standard (SOP) Kemasukan Pekerja Warga Asing yang diwartakan pada 19 November tahun lalu. Sebanyak 475,678 permohonan pekerja warga asing telah diterima dalam sektor perkilangan (290,248), perkhidmatan (77,000), perladangan (53,854), pembinaan (43,519), pertanian (11,037) serta perlombongan dan pengkuarian (20), sehingga 1 April lalu.


Selain pekerja asing, sebanyak 40,000 permohonan baharu telah diterima daripada pelajar antarabangsa untuk menyambung pengajian di Universiti Awam (UA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Malaysia, setakat Disember 2021.



Malaysia

Setelah lebih dua tahun negara berusaha memerangi pandemik COVID-19, Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob telah mengumumkan peralihan ke fasa endemik pada 1 April 2022 dengan memberikan beberapa kelonggaran serta membuka semula sempadan negara bagi pelancong yang telah lengkap vaksinasi. Langkah kerajaan membuka semula sempadan negara disambut baik oleh semua golongan rakyat Malaysia. Pembukaan sepenuhnya sempadan negara telah berkuatkuasa pada 1 April 2022 yang lalu. Berikut adalah statistik selepas tempoh empat hari pembukaan sempadan negara iaitu 1 April sehingga 4 April 2022.

Jumlah Pelancong 252,730



5 Pintu Masuk Pergerakan Asing Tertinggi



Bangunan Sultan
Iskandar
160,818



KLIA
38,407



Kompleks Sultan
Abu Bakar
53,113



KLIA 2
11,712



Bukit
Kayu Hitam
6,980

5 Negara Pelawat Tertinggi



Singapura
65,165



Thailand
7,841



Indonesia
5,173



India
2,477



United Kingdom
1,485

Sumber: Jabatan Imigresen Malaysia


Luar Negara

Selain daripada Malaysia, terdapat juga beberapa negara yang telah membuka sepenuhnya sempadan negara mereka. Statistik ketibaan dan berlepas selepas pembukaan sempadan menunjukkan peningkatan mobiliti penduduk.

Australia

20.03.2020 Penutupan Sempadan


21.02.2022 Pembukaan Sempadan



Ireland

27.04.2020 Penutupan Sempadan


06.03.2022 Pembukaan Sempadan



New Zealand

19.03.2020 Penutupan Sempadan

27.02.2022 Pembukaan Sempadan



Penutup

Pengumuman peralihan ke fasa endemik dan pembukaan semula sempadan negara adalah berita baik bagi rakyat Malaysia terutama mereka yang hilang pekerjaan kesan daripada penutupan sempadan serta PKP. Pembukaan sempadan dapat memulihkan semula ekonomi negara yang terjejas teruk akibat pandemik. Penutupan sempadan negara dilihat tidak menunjukkan impak yang ketara dari segi pengawalan jangkitan Covid-19 apabila kes terus melonjak. Ia sebaliknya memberi impak yang serius kepada ekonomi, perniagaan dan sumber pendapatan rakyat. Selain itu, Malaysia telah mencapai imuniti kelompok menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) serta pemberian dos penggalak yang semakin meluas.

PENAFIAN: Artikel dalam newsletter ini adalah inisiatif pegawai DOSM. Pandangan yang dinyatakan adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan DOSM.

